



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

BAGI PENERBITAN PERANGKAAN SEBAB KEMATIAN, MALAYSIA, 2023

***ISCHAEMIC HEART DISEASES* MERUPAKAN SEBAB KEMATIAN UTAMA
NEGARA TERUTAMANYA DI 73 DAERAH**

PUTRAJAYA, 30 OKTOBER 2023 – Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan laporan Perangkaan Sebab Kematian, Malaysia, 2023 yang membentangkan statistik sebab kematian di Malaysia bagi tahun 2022 mengikut ciri-ciri demografi di peringkat nasional, negeri dan daerah pentadbiran. Statistik ini merupakan input penting bagi penggubalan polisi dan perancangan program berkaitan bidang kesihatan serta sumber rujukan kepada penyelidik dan akademik. Punca kematian dalam kalangan penduduk Malaysia adalah penting diketahui untuk menggalakkan penduduk memperbaiki gaya hidup pada masa hadapan, menilai keberkesanan sistem kesihatan Malaysia serta peruntukan sumber secara langsung ke kawasan dan golongan sasaran.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Sebanyak 206,525 kematian direkodkan pada 2022 yang mana 126,268 (61.1%) adalah sebab kematian yang disahkan secara perubatan dan 80,257 (38.9%) adalah sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan. *Ischaemic heart diseases* adalah sebab kematian utama di Malaysia pada 2022 dengan 20,322 kematian atau 16.1 peratus daripada jumlah kematian yang disahkan secara perubatan. *Ischaemic heart diseases* kekal sebagai sebab kematian utama sejak lebih dua dekad yang lalu kecuali pada 2021 di mana *COVID-19 infection (due to)* menjadi sebab kematian utama. Sebanyak 13,817 (18.2%) kematian disebabkan oleh *Ischaemic heart diseases* adalah dalam kalangan lelaki, manakala sebab kematian utama bagi perempuan adalah *Pneumonia* iaitu 7,201 (14.3%). *Ischaemic*

heart diseases merupakan sebab kematian utama bagi semua kumpulan etnik utama di Malaysia yang mana Melayu (17.3%), Cina (14.7%) dan India (21.1%) kecuali Bumiputera Lain yang merekodkan *Pneumonia* (11.5%) sebagai sebab kematian utama”.

Selain daripada sebab kematian utama yang biasa berlaku di Malaysia iaitu *Ischaemic heart diseases*, *Pneumonia*, *Cerebrovascular diseases* dan *Transport accidents*, terdapat juga keunikan sebab kematian mengikut etnik dalam kedudukan 10 sebab kematian utama seperti *Diabetes Mellitus* yang lebih sinonim dengan kematian bagi etnik Melayu dan India, manakala *Cancer* adalah sebab kematian di kalangan etnik Cina.

Ketua Perangkawan berkata, amalan gaya hidup dan pengambilan pemakanan yang tidak sihat adalah antara penyumbang kepada kematian disebabkan *Ischaemic heart diseases* pada masa kini. Ini disokong oleh kenyataan dari Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu *Ischaemic heart diseases* berlaku apabila saluran darah menjadi keras dan sempit disebabkan oleh plak kolesterol. Faktor risiko utama penyebab penyakit ini adalah termasuk merokok, paras kolesterol yang tinggi, tekanan darah tinggi, diabetes dan faktor usia. Selain itu, terdapat juga faktor lain yang mempengaruhi seperti obesiti, kurang menjalankan aktiviti fizikal dan sejarah keluarga. Selain *Ischaemic heart diseases*, beberapa penyakit tidak berjangkit lain seperti *Cerebrovascular diseases*, *Hypertensive diseases* dan *Diabetes mellitus* turut disebabkan oleh amalan gaya hidup dan pemakanan yang tidak sihat. Manakala, *Pneumonia* yang merupakan sebab kematian kedua tertinggi di Malaysia adalah disebabkan oleh jangkitan kuman bakteria dan virus di paru-paru, tetapi boleh berlaku juga disebabkan kulat atau parasit. *Pneumonia* adalah radang atau inflamasi yang berlaku pada paru-paru.

Ketua Perangkawan turut berkata, sebab kematian utama bagi penduduk berumur 41-59 tahun dan 60 tahun dan lebih adalah *Ischaemic heart diseases* masing-masing pada 20.0 peratus dan 16.7 peratus. Selain itu, *Transport accident* merupakan sebab kematian utama bagi penduduk berumur 15-40 tahun (19.2%), manakala *Pneumonia* adalah sebab kematian utama bagi penduduk berumur 0-14 tahun (4.0%).

Selain itu, *Pneumonia* mencatatkan sebab kematian kedua tertinggi di negara ini dengan 13.3 peratus diikuti *Cerebrovascular diseases* (7.2%), *COVID-19 infection (due to)* (4.2%) dan *Transport accidents* (3.2%). Selain daripada lima sebab kematian utama, statistik menunjukkan bahawa kematian yang disebabkan oleh *Cancer* turut meningkat sejak tahun 2001 daripada 5,231 kematian kepada 15,901 kematian pada 2022.

Mengulas lanjut, semua negeri di Malaysia merekodkan *Ischaemic heart diseases* sebagai sebab kematian utama pada tahun 2022 kecuali Sabah dan Sarawak yang merekodkan *Pneumonia* sebagai sebab kematian utama pada tahun yang sama. Kelantan merekodkan peratusan tertinggi bagi *Ischaemic heart diseases* iaitu 23.3 peratus diikuti Perlis (23.1%) dan Melaka (20.0%).

Laporan ini turut membentangkan sebab kematian utama di peringkat daerah pentadbiran di Malaysia. *Ischaemic heart diseases* juga merupakan sebab kematian utama di 73 daerah pentadbiran dan peratusan tertinggi direkodkan di daerah Bera, Pahang dengan 26.9 peratus. Sementara itu, *Pneumonia* merupakan sebab kematian utama di 67 daerah pentadbiran dengan peratusan tertinggi dicatatkan oleh Kecil Lojing, Kelantan (24.4%). Selain itu, *Cerebrovascular diseases* direkodkan sebagai sebab kematian utama di 11 daerah, manakala *Chronic lower respiratory diseases* direkodkan di dua daerah, *Hypertensive diseases* di dua daerah dan *Malignant neoplasm of trachea, bronchus and lung* di satu daerah (Belaga, Sarawak).

Ketua Perangkawan berkata, di kalangan negara terpilih, *Ischaemic heart diseases* merupakan sebab kematian utama bagi *United States of America* dan *Australia* pada 2021. Sementara itu, *Republic of Korea*, *Japan*, *Canada* dan *Singapore* merekodkan *Cancer* sebagai sebab kematian utama pada tahun yang sama. *United Kingdom* menunjukkan trend yang sama dengan Malaysia iaitu *COVID-19* sebagai sebab kematian utama pada 2021.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan pada jam 1200, Isnin, 30 Oktober 2023

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan pada jam 1200, Isnin, 30 Oktober 2023


Carta 1: Kematian dan kadar kematian kasar, Malaysia, 2011-2022



Carta 2: Sebab kematian utama, Malaysia, 2000-2022



Carta 3: Tiga sebab kematian utama tertinggi mengikut kumpulan umur terpilih, Malaysia, 2022



Jadual 1: Sebab kematian utama bagi negara terpilih, 2020-2021

Negara	2020	2021
United States of America	Ischaemic heart diseases	Ischaemic heart diseases
Republic of Korea	Cancer	Cancer
Japan	Ischaemic heart diseases	Cancer
United Kingdom	COVID-19	COVID-19
Canada	Cancer	Cancer
Australia	Ischaemic heart diseases	Ischaemic heart diseases
Singapore	Cancer	Cancer

Sumber: Pejabat Statistik Negara dan Kementerian Kesihatan Negara terpilih

Jadual 2: Bilangan kematian disebabkan oleh COVID-19 mengikut negara ASEAN, 2020 hingga 2022

Negara	2020	2021	2022
<i>Brunei Darussalam</i>	3	95	127
<i>Cambodia</i>	-	3,012	44
<i>Indonesia</i>	22,138	121,956	16,518
<i>Lao PDR</i>	-	372	387
Malaysia	516	31,063	5,314
<i>Myanmar</i>	2,682	16,587	222
<i>Philippines</i>	9,244	42,260	13,887
<i>Singapore</i>	29	799	883
<i>Thailand</i>	63	21,639	11,971
<i>Viet Nam</i>	35	32,359	10,795

Sumber: ourworldindata.org

Jadual 3: Bilangan kematian disebabkan oleh COVID-19 mengikut negara maju terpilih, 2020 hingga 2022

Negara	2020	2021	2022
<i>United States of America</i>	351,754	476,139	267,885
<i>United Kingdom</i>	73,622	75,168	38,005
<i>Canada</i>	15,762	13,884	19,276
<i>Japan</i>	3,492	14,897	38,892
<i>Republic of Korea</i>	917	4,708	26,594
<i>Australia</i>	909	1,346	14,451

Sumber: ourworldindata.org

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
30 OKTOBER 2023**



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

MEDIA STATEMENT

**FOR THE PUBLICATION OF STATISTICS ON CAUSES OF DEATH,
MALAYSIA, 2023**

**ISCHAEMIC HEART DISEASES TOP THE LIST IN THE NATION,
ESPECIALLY IN 73 DISTRICTS**

PUTRAJAYA, 30th OCTOBER, 2023 – The Department of Statistics, Malaysia has released the report on Statistics on Causes of Death, Malaysia, 2023 which presents the statistics on causes of death in Malaysia for 2022 by demographic characteristics at national, state and administrative district. These statistics serve as inputs for the formulation of policies and planning of programmes related to health as well as a useful source of reference for researchers and academia. It is important to know the causes of death among Malaysian to encourage the population to improve their lifestyle in the future, assess the effectiveness of the Malaysian health system and the allocation of resources directly to targeted areas and groups.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician, Malaysia said, "There were 206,525 deaths recorded in 2022 of which 126,268 (61.1%) were medically certified deaths and 80,257 (38.9%) were non-medically certified deaths. Ischaemic heart diseases was the principal causes of death in 2022, with 20,322 deaths or 16.1 per cent of the medically certified deaths. Ischaemic heart diseases continued as the principal causes of death for the past two decades except in 2021 where COVID-19 infection (due to) top the list. There were 13,817 (18.2%) deaths caused by Ischaemic heart diseases for males, while Pneumonia was the principal causes of deaths for females at 7,201 (14.3%). Ischaemic heart diseases was the principal causes of death for all major ethnic groups

in Malaysia with Malay (17.3%), Chinese (14.7%) and Indians (21.1%) except Other Bumiputera which recorded Pneumonia (11.5%) as the principal causes of death”.

In addition, apart from the main causes of death that commonly occurs in Malaysia, such as Ischaemic heart diseases, Pneumonia, Cerebrovascular diseases and Transport accidents, there is also the uniqueness of causes of death by ethnic for the top 10 causes of death such as Diabetes Mellitus which is more synonymous with death for Malay and Indians, while Cancer is the causes of death among Chinese.

The Chief Statistician said, unhealthy lifestyle practices and diet are among the contributors to death due to Ischaemic heart diseases nowadays. This was supported by Ministry of Health Malaysia which said that Ischaemic heart diseases occurs when the blood vessels that supply blood to the heart muscle become hardened and narrowed. Major risk factors include cigarette smoking, high cholesterol level, high blood pressure, diabetes and age. Additionally, there are other contributing factors, such as obesity, sedentary lifestyle and family history. In addition to Ischaemic heart diseases, some other non-communicable diseases such as Cerebrovascular diseases, Hypertensive diseases and Diabetes mellitus were also caused by unhealthy lifestyle practices and diet. However, Pneumonia which was the second principal causes of death in Malaysia is usually caused by bacterial infection, virus but sometimes it could be due to fungus and parasites. Pneumonia is the inflammation or infection in the lungs.

The Chief Statistician also said, the principal causes of death for population aged 41-59 years and 60 years and over was Ischaemic heart diseases at 20.0 per cent and 16.7 per cent, respectively. Other than that, Transport accidents was the principal causes of death for population aged 15-40 years (19.2%) while Pneumonia was the principal causes of death for population aged 0-14 years (4.0%).

On the other hand, Pneumonia was the second highest causes of death with 13.3 per cent followed by Cerebrovascular diseases (7.2%), COVID-19 infection (due to) (4.2%) and Transport accidents (3.2%). Apart from the five principal causes of death, statistics showed that deaths caused by Cancer have increased since 2001 from 5,231 deaths to 15,901 deaths in 2022.

Commenting further, all states recorded Ischaemic heart diseases as the principal causes of death in 2022 except for Sabah and Sarawak which recorded Pneumonia as the principal causes of death in the same year. Kelantan recorded the highest percentage of Ischaemic heart diseases at 23.3 per cent followed by Perlis (23.1%) and Melaka (20.0%).

This report also presents the causes of death at the administrative district level in Malaysia. Ischaemic heart diseases was the principal causes of death in 73 administrative districts and the highest percentage was recorded in Bera, Pahang with 26.9 per cent. Meanwhile, Pneumonia was the principal causes of death in 67 administrative districts with the highest percentage recorded by Kecil Lojing, Kelantan (24.4%). On the other hand, Cerebrovascular diseases was recorded as the principal causes of death in 11 districts, while Chronic lower respiratory diseases recorded in two districts, Hypertensive diseases in two districts and Malignant neoplasm of trachea, bronchus and lung in one district (Belaga, Sarawak).

The Chief Statistician highlighted, among the selected countries, Ischaemic heart diseases was the principal causes of death for United States of America and Australia in 2021. Meanwhile, Republic of Korea, Japan, Canada and Singapore recorded Cancer as the principal causes of death in the same year. United Kingdom showed the same trend with Malaysia which was COVID-19 as principal causes of death in 2021.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. “Agriculture Census, Key to Agriculture Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Deaths and crude death rate, Malaysia, 2011-2022




Chart 2: The principal causes of death, Malaysia, 2000-2022




Chart 3: Top three principal causes of death by selected age group, Malaysia, 2022




Table 1: Principal causes of death for selected country, 2020-2021

Country	2020	2021
United States of America	Ischaemic heart diseases	Ischaemic heart diseases
Republic of Korea	Cancer	Cancer
Japan	Ischaemic heart diseases	Cancer
United Kingdom	COVID-19	COVID-19
Canada	Cancer	Cancer
Australia	Ischaemic heart diseases	Ischaemic heart diseases
Singapore	Cancer	Cancer

Source: National Statistics Office and Ministry of Health in selected countries

Table 2: Number of deaths due to COVID-19 for ASEAN country, 2020 to 2022

Country	2020	2021	2022
Brunei Darussalam	3	95	127
Cambodia	-	3,012	44
Indonesia	22,138	121,956	16,518
Lao PDR	-	372	387
Malaysia	516	31,063	5,314
Myanmar	2,682	16,587	222
Philippines	9,244	42,260	13,887
Singapore	29	799	883
Thailand	63	21,639	11,971
Viet Nam	35	32,359	10,795

Source: ourworldindata.org

Table 3: Number of deaths due to COVID-19 for selected developed country, 2020 to 2022

Country	2020	2021	2022
United States of America	351,754	476,139	267,885
United Kingdom	73,622	75,168	38,005
Canada	15,762	13,884	19,276
Japan	3,492	14,897	38,892
Republic of Korea	917	4,708	26,594
Australia	909	1,346	14,451

Source: ourworldindata.org

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
30th OCTOBER 2023